



## SIARAN AKHBAR

S.A. 2023/03/01\_12 (HQ)

### NRECC BERSAMA TNB MENINGKATKAN KEPEKAAN RAKYAT KEPADA PERALIHAN TENAGA

- Malaysia Energy Literacy Program (MELP) dilancarkan untuk meningkatkan kepekaan rakyat mengenai kepentingan tenaga
- TNB anjur Persidangan Peralihan Tenaga (Energy Transition Conference) bagi perkukuhkan agenda ESG

Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) berganding bahu dengan **Tenaga Nasional Berhad (TNB)** dan agensi berkaitan untuk membangunkan masyarakat peka tenaga agar dapat menyumbang kepada kelestarian industri tenaga negara.

Menterinya, Nik Nazmi Nik Ahmad melancarkan inisiatif Malaysia Energy Literacy Program (MELP) di Dewan Baiduri, Wisma Sumber Asli pada 1 Mac 2023 yang bertujuan memupuk rakyat Malaysia mengenai pentingnya tenaga dan peranan mereka dalam pengurusan tenaga demi kemampanan masa depan.

“NRECC menyambut inisiatif ini untuk berganding bahu dengan TNB, menjadikan MELP sebagai inisiatif nasional dengan agenda khusus untuk meningkatkan kepekaan rakyat dan menjadikan mereka lebih berpengetahuan mengenai industri tenaga.

“Apabila kita dapat meningkatkan pengetahuan, kita mampu bertindak balas menggunakan tenaga dengan lebih cekap, menyumbang kepada kemampanan tenaga, menjaga alam sekitar dengan lebih baik dan bergerak ke arah masa depan yang lebih mampan terutamanya untuk generasi akan datang,” katanya berucap kepada warga kerja kementerian dan agensi-agensinya di majlis pelancaran tersebut.

Hadir sama timbalannya, Dato’ Sri Huang Tiong Sii; Ketua Setiausaha NRECC, Dato’ Rosli Isa dan pegawai-pegawai tinggi kementerian; Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Tenaga (ST), Dato’ Ir. Ts. Abdul Razib Dawood dan Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato’ Indera Ir. Baharin Din.

Sempena pelancaran MELP, TNB mempamerkan Gallery Walk bertemakan “Together with the Nation through Energy Transition” yang mencakupi keseluruhan rangkaian ekosistem tenaga dengan paparan peralihan tenaga dan hala tuju kelestarian, kecekapan tenaga serta tenaga boleh baharu (TBB) di samping ekosistem kenderaan elektrik (EV).

Konsep MELP mula dibangunkan oleh TNB sejak 2020 melalui pelbagai kempen bijak tenaga dalam kalangan rakyat, termasuk generasi muda di peringkat sekolah dan institusi pengajian tinggi serta masyarakat pengguna melalui kerjasama Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) dan Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA).

Kini MELP didukung bersama dengan NRECC, ST dan SEDA untuk menyediakan akses kepada maklumat sahih, agar rakyat memahami dan menghayati agenda peralihan tenaga yang perlu mengimbangi cabaran Trilema Tenaga iaitu jaminan bekalan, kemampanan dan kebolehmampuan (Energy Trilemma - Security, Affordability and Sustainability).

Melalui MELP, kata Nik Nazmi, usaha-usaha bersepadu boleh diatur untuk mewujudkan program-program lebih berkesan dalam membentuk masyarakat peka tenaga, sekali gus memupuk manusia bertamadun yang mempunyai nilai-nilai MADANI.

“Baharulah rakyat dapat menghayati kepentingan peranan yang boleh mereka lakukan untuk menyumbang kepada peralihan tenaga menuju negara neutral karbon. Rakyat juga perlu didedahkan dengan pelbagai inisiatif dalam peralihan tenaga dan kepentingannya terhadap menangani kesan perubahan iklim,” katanya.

Dalam hubungan itu, menurut Baharin, TNB akan menganjurkan Persidangan Peralihan Tenaga (Energy Transition Conference) yang memberi tumpuan kepada tenaga, perbandaran dan pengangkutan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, pada Ogos 2023.

Katanya, persidangan itu menghimpunkan para pemimpin pemikiran antarabangsa, pakar, peneraju industri, penggubal dasar dan komuniti berkaitan selama dua hari di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur mulai 24 Ogos 2023 bagi membincangkan cabaran peralihan tenaga.

“Persidangan Peralihan Tenaga dan MELP mempunyai kaitan rapat sebagai platform menyediakan perkongsian maklumat penyelesaian teknologi mampan dalam usaha mempercepatkan pacuan peralihan tenaganya yang bertanggungjawab. Tumpuan kepada peralihan tenaga akan memesatkan lagi transformasi digital pelanggan untuk menerapkan gaya hidup yang mampan serta pintar selaras dengan kehendak dan keperluan masyarakat.

“TNB sendiri mempercepatkan pacuan peralihan tenaga secara bertanggungjawab dengan meningkatkan nilai perusahaan bisnes penjanaan TNB, meluaskan pasaran Tenaga Boleh Baharu (TBB), memperkasa grid dan membangunkan ekosistem EV,” kata Baharin.

Menurutnya, inisiatif hala tuju kehidupan lestari masa depan itu adalah sejajar Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) yang menjadi agenda sejagat dengan melindungi bumi serta mewujudkan keseimbangan ekonomi, sosial dan alam sekeliling.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 1 Mac 2023, jam 2:45 pm**

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 /*

*Grace Tan 016-6626229 / Faiq Haikal 013-3889606*

*atau emel kami: [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*



Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC), Nik Nazmi Nik Ahmad (tiga, kanan) memasukkan simbol kilat ke dalam logo The Energy Transition Conference sebagai simbolik penyempurnaan prapelancaran persidangan itu selepas Majlis Pelancaran Malaysia Energy Literacy Program (MELP) hari ini (1 Mac 2023).

Turut hadir Timbalan Menteri NRECC, Dato' Sri Huang Tong Sii (dua, kanan), Ketua Setiausaha NRECC, Dato' Haji Rosli Isa (kanan), Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato' Indera Ir. Baharin Din (dua, kiri) dan Ketua Pegawai Strategi dan Usaha Niaga (Chief Strategy & Ventures Officer) TNB, Datuk Ir. Megat Jalaluddin Megat Hassan (kiri).



Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC), Nik Nazmi Nik Ahmad (kanan) diiringi oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Dato' Ir. Ts. Abdul Razib Dawood (dua, kanan) bersama Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato' Indera Ir. Baharin Din (dua, kiri) mendengar penerangan mengenai pengecas TNB Electron oleh Lead PMO-EV TNB, Mohd Suhairi Mohammad Shah (kiri) ketika Majlis Pelancaran Malaysia Energy Literacy Program (MELP) di Dewan Baiduri, Wisma Sumber Asli hari ini (1 Mac 2023).